



Ada banyak orang-orang yang gembira mendengar Nasir di Mesir berjaya tetapi kata seorang teman banyak orang tidak mengetahui bahawa dengan cara diktator Mesir orang-orang yang hendak menghukum dengan hukum *Qur'ān* dan *Hadīth* di Mesir telah jadi korban - beribu-ribu yang diazab dengan pedih. Mengapa begitu? Perkaranya ialah kerana penduduk di Mesir itu orangnya banyak taksub dan ikut-ikutan.

* * *

Dahulu sebelum merdeka orang menyebut merdeka dengan mentega. Tetapi sesudah merdeka setahun ini orang bertanya apa sudahkah rakyat dapat mentega?

* * *

Dahulu Dr Burhanuddin mahukan supaya rupa bangsa bagi Tanah Melayu ialah Melayu. Onn masa itu bantah tetapi sekarang Onn bahu rupa bangsa hendaklah "Melayu". Orang-orang bilang perkara ini terbalik.

* * *

Dato' Bandar Singapura menganjurkan kempen orang-orang jangan berludah dengan tujuan supaya batuk kering jangan merebak. Tujuan ini baik tetapi setengah-setengah orang tidak puas hati mengapakah pula diadakan perayaan tarian-tarian yang tentunya banyak pula memakan belanja. Belanja dicadangkan 60,000 ringgit telah dinaikkan jadi \$105,000 kerana kempen itu. Tidak mengapa Bung! Ini duit rakyat- tidak cukup dinaikkan cukai!

* * *

Buruh mesti diberi kebaikan kerana kebaikan buruh aturan-aturan dibuat dengan keras akhirnya

majikan-majikan hampir-hampir setengah mati tidak boleh tahan kerana tidak boleh tahan mereka lalu buang kakitangan dan tidak mahu beri belajar orang-orang baharu. Akhirnya masih susah? Tauke susah tetapi masih boleh tahan tetapi buruh sudah banyak tidak ada kerja. Inilah cara pemerintahan yang terbit daripada orang-orang yang bukan ahlinya - semuanya susah, akhirnya serba salah!

* * *

Perkara *Ibadat Rasulullah* telah jadi heboh.

Orang-orang yang perau tersenyum sahaja sedang orang-orang yang mahu diharamkan, terutamanya dari jabatan-jabatan agama membuat cara mahu gunakan kuasa lalu mengatakan bahawa kitab ini menyalahi dari pengajaran al-Imām al-Shāfi'ī. Melihat ini orang pun bertanya, apakah orang ini bukan Islam kalau ia tidak bermazhab Shāfi'ī? *Mashā Allah!*

* * *

Hamka bilang, kalau ia kupas membela buku *Ibadat Rasulullah* tentunya buku itu akan lebih laku! Orang di sini bertanya, apakah Hamka dari Indonesia campur hal ini mahu publisiti atau komisyen, *wallāhu 'a'lam!* Bagaimana Bung Hamka?

* * *

Ada ulama heboh mengeluarkan tuduhan-tuduhan bahawa orang yang tidak sepengertian dengannya orang-orang Mu'tazilah, Qādiyānī dan seumpamanya, iaitu apabila terbit sesuatu perbahasan dengan mereka. Sesungguhnya cara menuduh ini tidak dikehendaki sekarang! Yang seperlunya hendaklah di bahas apa yang dikatakan atau dipersoalkan mereka dengan cara ilmu- tidak dengan cara kata mengapa atau nista menista. Cara ini hanya dibuat oleh orang yang berilmu yang ikhlas sahaja - yang tidak ikhlas tidak berani. Siapakah ulama-ulama seperti itu? Kalau mahu tahu tanya sama:

- Cemeti al-Farouk.